

MEDOFULVIN TABLET

Griseofulvin (125mg, 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Medofulvin
2. Bagaimana Medofulvin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Medofulvin
4. Cara menggunakan Medofulvin
5. Semasa menggunakan Medofulvin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Medofulvin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Produk Pendaftaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Medofulvin

Medofulvin digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit, kulit kepala, rambut atau kuku.

Bagaimana Medofulvin berfungsi

- Medofulvin mengandungi bahan aktif griseofulvin. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antikulat.
- Ia berfungsi dengan menghalang pembahagian dan pembiakan kulat penyebab jangkitan.

Sebelum menggunakan Medofulvin

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika anda:

- mempunyai alahan terhadap griseofulvin atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut)
- mempunyai *porphyria* (gangguan yang disebabkan oleh pengumpulan porphyrin-bahan kimia semulajadi dalam badan)
- menghidap *lupus erythematosus* dan sindrom yang berkaitan (penyakit sistem imun)

-Sebelum mengambil Medofulvin

Maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda:

- mempunyai masalah hati

Mengandung dan menyusukan anak

- Medofulvin boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi anda yang belum lahir. Anda tidak boleh mengambil Medofulvin semasa anda hamil. Jika anda seorang wanita yang berpotensi melahirkan anak, elakkan daripada hamil

semasa rawatan dengan Medofulvin

- Jangan gunakan Medofulvin jika anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor sebelum mengambil ubat jika anda sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubatan yang berikut:

- ubat cair darah
- cyclosporine, tacrolimus (digunakan untuk mencegah penolakan selepas pemindahan organ)
- kontraseptif oral atau ubat hormon kontraseptif yang lain
- zidovudine (digunakan untuk pencegahan dan rawatan HIV/AIDS)
- methadone (rawatan ketagihan dadah)
- alkohol atau ubat yang mengandungi alkohol

Cara menggunakan Medofulvin

-Berapa banyak harus diambil

Tablet Medofulvin harus ditelan dengan air secukupnya. Dos biasa untuk ubat ini adalah seperti berikut:

Dewasa

Dos biasa ialah 500mg-1000mg setiap hari, dibahagikan kepada dua kali sehari.

Kanak-kanak

Dos akan ditentukan oleh doktor anda berdasarkan berat badan mereka. Bagi kanak-kanak di bawah umur 6 tahun dan mereka yang tidak boleh menelan tablet, tablet boleh dihancurkan dan dicampur dengan makanan berbentuk cecair.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

-Bila perlu diambil

Ambil Medofulvin dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Medofulvin perlu diambil selepas makan.

-Berapa lama perlu diambil

-Gunakan Medofulvin untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor.

Tempoh rawatan mungkin mengambil masa antara 4 minggu hingga 12 bulan bergantung kepada tempat jangkitan.

-Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Medofulvin

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Medofulvin.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.
- Elakkan pendedahan kepada cahaya matahari semasa dan sejurus selepas rawatan
- Jika anda mengalami reaksi kulit yang teruk, termasuk benjolan di bawah kulit, lepuh, kemerahan dan mengelupas dengan atau tanpa demam, bengkak kelenjar dan keputusan ujian darah yang tidak normal, sila jumpa doktor anda dengan segera.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda

MEDOFULVIN TABLET

Griseofulvin (125mg, 500mg)

- Jangan mengambil ubat yang baharu tanpa memaklumkan doktor anda
- Jangan berikan Medofulvin kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Medofulvin mengurangkan keberkesanan kontraseptif semasa rawatan dan satu kitaran selepas rawatan dihentikan. Oleh itu, jika anda mengambil kontraseptif oral atau kontraseptif hormon lain (cth. implan, suntikan) semasa mengambil Medofulvin, bentuk kontraseptif penghalang lain (cth. kondom) hendaklah sentiasa digunakan bersama.

Doktor anda mungkin perlu memantau kiraan darah anda jika anda menjalani rawatan berpanjangan (lebih sebulan) dan dos yang tinggi (lebih daripada 1.5g setiap hari).

Memandu dan mengendali mesin

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa pening, keliru atau mengantuk, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, Medofulvin boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini:

- Sakit kepala, pening, kekeliruan, mengantuk atau kesukaran untuk tidur dan mudah marah
- Gangguan pemakanan, loya, cirit-birit, gangguan rasa, rasa dahaga
- Kulit menjadi lebih sensitif cahaya
- Reaksi alahan kulit termasuk keadaan yang serius seperti kemerahan kulit, melepuh, ruam, demam, sakit tekak atau mata memerah dan sakit
- [Reaksi kulit yang jarang berlaku yang mungkin serius: ruam yang](#)

[meluas dengan lepuh dan mengelupasan kulit, terutamanya di sekitar mulut, hidung dan di kawasan kemaluan menyebabkan mengelupasan kulit yang teruk, demam, pembesaran nodus limfa, atau ujian darah yang tidak normal \(tahap eosinofil atau enzim hati meningkat\). Jika anda mempunyai tanda-tanda sedemikian, dapatkan nasihat doktor anda dengan segera](#)

- Gangguan dan keradangan pada hati
- Gangguan darah (pengurangan jumlah sel-sel darah)
- Rasa lemah, kebas dan sakit, biasanya di tangan, lengan dan kaki
- Boleh meneruskan penyakit *lupus erythematosus* dan sindrom yang berkaitan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Medofulvin

-Penyimpanan

- Simpan ubat di tempat yang kering, dilindungi daripada cahaya, di bawah suhu 30°C dan dalam pembungkusan asal
- Jauhi ubat-ubatan daripada kanak-kanak

-Pelupusan

- Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah
- Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

- Tablet berwarna putih, bulat, rata dan mempunyai garisan skor
- Diameter:
Medofulvin Tablet 125mg-9.5mm
Medofulvin Tablet 500mg-12.7mm
- Tablet Medofulvin dibungkus di dalam blister PVC-Al

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Griseofulvin
- Bahan tidak aktif
Medofulvin Tablet 125mg
Croscarmellose sodium, Povidone, Laktosa monohidrat, Microcrystalline cellulose, Colloidal anhydrous silica dan Magnesium stearat
- Medofulvin Tablet 500mg
Croscarmellose sodium, Povidone, Pregelatinised starch, Microcrystalline cellulose and Magnesium stearat

-Nombor MAL

Medofulvin Tablet 125mg
MAL19860841AZ
Medofulvin Tablet 500mg
MAL19860848AZ

Pengilang

Medochemie Ltd., (Factory AZ), 2 Michael Erakleous Street, Agios Athanassios Industrial Area, Agios Athanassios, Limassol, 4101, Cyprus

Pemegang Produk Pendaftaran

Komedic Sdn. Bhd, 4 Jalan PJS 11/14, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

01/08/2023

Nombor siri

NPRA(R4/1)130922/00067